

Khalid pula memecat, apa maksudnya?
Malaysian Insider
Aug 12, 2014
OLEH SYAHREDZAN JOHAN

Pada hari Isnin, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menghadap baginda Sultan Selangor dan mendapat perkenan untuk terus menerajui Selangor.

Kemudian pada hari Selasa, Khalid bertindak memecat 6 ahli Exco kerajaan negeri Selangor daripada parti PKR dan DAP.

Apakah maksud perkembangan terkini dalam krisis politik Selangor?

Perkenan Sultan kepada Khalid adalah tindakan yang tepat berdasarkan undang-undang. Ini kerana, ia masih belum dibuktikan atau ditunjukkan bahawa Khalid kehilangan sokongan majoriti ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.

Tidak ada bukti kukuh dipersembahkan kepada Sultan tentang dakwaan bahawa Khalid tidak lagi mendapat sokongan.

Pemecatan Khalid adalah satu tindakan dalaman PKR yang tidak membawa kesan secara undang-undang kepada kedudukannya sebagai menteri besar.

Beban bukti adalah pada pihak yang ingin menyingkirkan Khalid untuk menunjukkan bahawa beliau tidak lagi mendapat sokongan, bukan sebaliknya.

Khalid tidak perlu menunjukkan bahawa beliau masih mendapat sokongan.

Menurut perlembagaan negeri Selangor, ahli Exco, selain daripada menteri

besar sendiri memegang jawatan selama diperkenankan oleh Sultan.

Ini bermakna, kuasa untuk memecat seseorang ahli Exco terletak pada Sultan, bukan menteri besar.

Namun dalam menjalankan tanggungjawab dan kuasanya dalam hal memecat Exco, baginda menurut perlembagaan Selangor harus bertindak mengikut nasihat Exco.

Oleh itu, menteri besar menasihati baginda dalam hal pemecatan Exco.

Tetapi sekiranya surat pemecatan dikeluarkan oleh Khalid dan bukannya baginda, ia mungkin boleh dipersoalkan keesahannya.

Seterusnya, pemecatan Exco PKR dan DAP, sekiranya sah sekalipun, tidak bermakna kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor sudah jatuh.

Pakatan Rakyat masih mempunyai majoriti kerusi di Selangor.

Melainkan PAS bergabung dengan Barisan Nasional dan Khalid dan mana-mana Adun lain untuk membentuk kerajaan Selangor baru, maka Pakatan Rakyat masih berhak menjadi kerajaan di Selangor.

Akhir sekali, perkembangan ini menjadikan mesyuarat PAS Pusat menjadi begitu penting dalam merungkai kemelut politik di Selangor. – 12 Ogos, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/khalid-pula-memecat-apa-maksudnya>